

24 JUL 1999

LID-Wanita

WANITA BOLEH MEMBERI SUMBANGAN PENTING KEPADA PEMULIHAN EKONOMI

LANGKAWI, 24 Julai (Bernama) -- Wanita boleh memberi sumbangan yang penting kepada pemulihan ekonomi terutamanya dalam bidang seperti keusahawanan wanita, kata Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, hari ini.

"Kita mempunyai ramai usahawan wanita yang berperanan penting dalam usaha merangsangkan aktiviti-aktiviti perniagaan," katanya kepada Bernama selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini bersama-sama dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir akan menyertai lapan ketua kerajaan, menteri-menteri kanan dan pemimpin-pemimpin industri pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID '99) Ketiga, yang antara acaranya ialah perbincangan khas antara wanita-wanita pertama.

Dr Siti berkata isu lain yang akan ditonjolkan di kalangan wanita pertama ialah mengenai kesihatan, belia dan kepenggunaan.

Isu-isu penting ini pantas menarik perhatian para isteri pemimpin kerajaan yang menghadiri dialog itu, dan mereka meminta supaya diadakan satu perbincangan khas di kalangan mereka.

Pada dialog-dialog yang lepas, wanita-wanita pertama hanya menghadiri dialog utama yang dibincangkan oleh suami masing-masing tetapi bukan sebagai peserta, kata Dr Siti Hasmah.

"Tetapi kini, mereka berpendapat ada isu tertentu yang boleh melibatkan mereka terutamanya krisis ekonomi," kata isteri Perdana Menteri itu.

Terdahulu, pada satu taklimat media, Datuk Dr Mihaela Smith, ketua eksekutif Perkongsian Untuk Pengurusan Teknologi Komanwel, berkata isu sosial harus disepadukan dalam pendekatan perkongsian pintar dalam pemulihan ekonomi.

Dr Mahathir, yang mempunyai jadual ketat pada empat hari berikutnya, menemui Presiden Botswana Festus G. Mogae kira-kira sejam tetapi tiada butiran terperinci mengenai perbincangan mereka dikeluarkan.

-- BERNAMA

MR NAK